

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 79 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[ LUBOK ANTU ]****TARIKH : 12 MAC 2015****SOALAN :**

**Datuk William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian memantau atau menetapkan harga buah sawit kepada pembeli-pembeli daripada pekebun kecil kerana banyak aduan telah diterima memberitahu bahawa harga ditawarkan oleh pembeli buah sawit daripada pekebun kecil jauh lebih murah daripada harga pasaran seolah-olah pekebun kecil telah dieksploitasikan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah bertanggungjawab untuk mengawalselia industri sawit negara. Dalam hal ini, MPOB tidak menetapkan harga Buah Tandan Segar (BTS) yang diurusniagakan di pasaran. Walau bagaimanapun, MPOB menerbitkan harga urusniaga harian BTS sebagai panduan untuk tujuan ini.

Harga jualan BTS yang diterima oleh pekebun kecil adalah tertakluk kepada antara lain kualiti buah, kadar perahan minyak dan kos pengangkutan dan pemprosesan. Pada amnya harga bersih BTS yang diterima adalah selepas mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau harga pembelian BTS bagi memastikan para pengusaha tanaman sawit termasuk pekebun kecil tidak terjejas dengan harga pembelian yang rendah. Ini termasuk mengadakan perjumpaan dan dialog bersama pekebun kecil dengan para peniaga BTS serta kilang-kilang sawit untuk memastikan pekebun kecil mendapat pendapatan yang berpatutan dari hasil jualan BTS mereka.

Selain itu, usaha-usaha berterusan MPOB bagi memastikan pengusaha tanaman sawit termasuk pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan termasuk:

- i. Memberi khidmat nasihat mengenai penghasilan BTS yang berkualiti;
- ii. Menyampaikan maklumat yang terkini mengenai harga BTS melalui surat khabar, telefon dan laman web MPOB. Pekebun kecil juga boleh menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk mengetahui maklumat harga BTS secara terus pada bila-bila masa; dan
- iii. Menerbitkan risalah mengenai pengiraan harga BTS yang bertujuan menerangkan mengenai proses penetapan harga BTS mengikut pengiraan yang betul. Melalui medium komunikasi ini, para pekebun kecil mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam mengenai cara penetapan harga BTS dan seterusnya membolehkan mereka untuk membuat perbandingan harga yang ditawarkan oleh peniaga atau kilang sawit.

MPOB akan meneruskan usaha-usaha untuk memastikan penghasilan BTS oleh para pekebun kecil adalah berkualiti dan ini akan membolehkan golongan ini mendapat harga yang setimpal. Selain itu, MPOB juga akan memantau harga urusaniaga BTS agar mereka tidak dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 12.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah Elaun Perumahan Wilayah (EPW) yang telah diberi kepada guru-guru yang berasal dari Semenanjung yang kini berkhidmat di negeri Sabah. Dan berapa Elaun EPW yang diberikan kepada guru-guru yang berasal dari Sabah kini berkhidmat di Semenanjung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua penjawat awam termasuk guru sama ada dari Semenanjung yang ditugaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan atau sebaliknya akan menerima elaun dan kemudahan mengikut Pekeliling yang sama bagi pegawai yang bertukar wilayah.

Bagi pemberian Elaun Perumahan Wilayah (EPW), berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001, kadar bayaran adalah mengikut gred jawatan dan daerah pegawai berkhidmat. Kadar EPW bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah antara RM1,300.00 hingga RM2,500.00. Manakala kadar EPW bagi kumpulan Pengurusan

Profesional pula antara RM250.00 hingga RM1,100.00. Seterusnya bagi anggota kumpulan Pelaksana (Sokongan) kadar EPW adalah antara RM170.00 hingga RM830.00.

RJM22

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**  
**KAWASAN : SETIU**  
**TARIKH : 12 MAC 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan dari pihak Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan pembinaan sambungan LPT Fasa 3 bagi mewujudkan rangkaian perhubungan yang berkesan menghubungkan pantai barat semenanjung ke Pantai Timur melalui Daerah Setiu, Besut dan sebahagian jajahan di Kelantan. Jika terdapat perancangan, adakah telah dilaksanakan pemilihan jajaran LPT Fasa 3 dan juga adakah pihak Kementerian telah melaksanakan kajian kemungkinan ('feasibility study') bagi cadangan projek tersebut.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan projek Lebu Raya Pantai Timur Fasa 3 bagi negeri Kelantan atau LPT3 kini sedang dalam peringkat pertimbangan Kerajaan. LPT3 ini merentasi 3 daerah di Terengganu (Kuala Terengganu – Setiu – Besut), dan 5 daerah jajahan di Kelantan (Pasir Puteh – Bachok – Kota Bharu - Pasir Mas – Tumpat).

Kajian Kemungkinan Awalan projek LPT3 ini telah disiapkan pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan terlibat, iaitu dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pangkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Anggaran kos terlibat ialah sebanyak RM3.5 bilion. Projek ini berpotensi untuk dilaksanakan menerusi konsep penswastaaan dan akan dipertimbangkan Kerajaan dalam senarai projek RMKe-11 yang akan dibentangkan pada bulan Jun 2015 nanti.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 12.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada tahun 2016 Kementerian akan mewajibkan mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk lulus di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), berapakah bilangan guru-guru yang mempunyai kelulusan TESL di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2015, seramai 8,856 orang guru opsyen *Teaching English as a Second Language* (TESL) terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh negara.